



PROGRAM "3+2"



PROGRAM KERJASAMA UniKL dan Universiti-universiti di Jepun

UniKL Japan University Program (UniKL JUP) adalah merupakan program kerjasama di antara MARA, UniKL dan Universiti-universiti di Jepun, dan dikendalikan sepenuhnya di dalam bahasa Jepun. Pelajar yang tamat program 3 tahun Diploma Kejuruteraan (dalam bidang Elektrikal atau Mekanikal) dan melepasi syarat-syarat MARA dan Universiti Jepun, akan ditawarkan melanjutkan pengajian selama 2 tahun terakhir di peringkat Ijazah Sarjana Muda di Universiti-universiti terpilih di Jepun.

Program "3+2" ini (3 tahun di Malaysia dan 2 tahun di Jepun) akan mendapat pinjaman pelajaran boleh ubah dari pihak MARA, yang akan menyediakan yuran pengajian dan sara hidup kepada para pelajar sepanjang tempoh pengajian 5 tahun di Malaysia dan di Jepun.

Terdapat banyak kelebihan menyertai program ini. Salah satu daripadanya ialah menjimatkan masa dan kos. Program ijazah luar negara biasanya mengambil masa 6 tahun untuk menamatkan program persediaan dan ijazah sarjana muda. Program ini hanya mengambil masa 5 tahun sahaja. 3 tahun pertama adalah program diploma dan pada masa yang sama pelajar diajar bahasa Jepun sehingga fasih sebelum terbang ke sana. Ini dapat memastikan para pelajar mampu berdikari setibanya mereka di Jepun yang amat dikenali hanya menggunakan Bahasa Jepun untuk berkomunikasi. Pelajar akan terus memasuki tahun ke-3 di universiti Jepun dan memerlukan 2 tahun untuk menamatkan pengajian di peringkat ijazah sarjana muda. Kelebihan terus memasuki tahun ke-3 membolehkan pelajar lebih memahami subjek kerana telah menguasai subjek asas yang telah dipelajari di Malaysia.

Pelajar mempunyai peluang bergaul dengan pelajar berbangsa Jepun yang merupakan rakan sepengajian mereka di sana nanti. Dengan ini dapat menambahkan kefasihan berbahasa Jepun dan mempelajari budaya orang Jepun yang terkenal dengan menjaga kebersihan. Selepas bergraduasi ijazah sarjana muda di Jepun, para pelajar boleh bekerja di syarikat Jepun yang mempunyai cawangan di Malaysia kerana mempunyai kelebihan berbahasa Jepun dengan fasih. Banyak syarikat Jepun di Malaysia yang memerlukan pekerja yang boleh berbahasa Jepun untuk berhubung dengan ibu pejabat syarikat.

Semasa berada di Jepun, pelajar akan terdedah kepada pelbagai peluang perniagaan yang boleh dijalankan di Malaysia. Seperti membekalkan alat ganti kereta syarikat Jepun di Malaysia bagi yang meminati kereta buatan Jepun.

KELEBIHAN MENYERTAI PROGRAM JUP



Menjimatkan masa dan kos



Pelajar boleh berbahasa Jepun dengan baik sebelum ke Jepun



Mempunyai bahasa ke-3



Terus memasuki Tahun 3 Ijazah di universiti Jepun



Dapat mempelajari budaya dan teknologi Jepun



Mudah untuk bekerja di Malaysia



Terdedah lebih banyak peluang untuk menjalankan perniagaan

UNTUK MAKLUMAT LANJUT, SILA HUBUNGI 03-8913 2800 ATAU LAYARI LAMAN WEB KAMI www.unikl.edu.my.

Where Knowledge is Applied and Dreams Realised



UniKL
UNIVERSITI
KUALA LUMPUR

HARI KONSULTASI INSTITUSI PENDIDIKAN MARA 2020

KUALA LUMPUR

6, 7, 8, 9 & 10 JULAI

• Lobi Ibu Pejabat MARA

JOHOR

5 & 6 JULAI

• Pejabat MARA Negeri Johor

MELAKA

6, 7 & 8 JULAI

• Pejabat MARA Negeri Melaka

KEDAH

6, 7 & 8 JULAI

• Pejabat MARA Daerah Kuala Muda
• Pejabat MARA Daerah Kulim
• Pejabat MARA Daerah Kubang Pasu

PULAU PINANG

6, 7 & 8 JULAI

• Pejabat MARA Negeri Pulau Pinang
• RTC Pulau Pinang, Simpang Ampat

PERLIS

6, 7 & 8 JULAI

• Pejabat MARA Negeri Perlis

PAHANG

8 & 9 JULAI

• Pejabat MARA Negeri Pahang

KELANTAN

8 & 9 JULAI

• Pejabat MARA Negeri Kelantan
• Pejabat MARA Daerah Kuala Krai

TERENGGANU

12 & 13 JULAI

• Pejabat MARA Daerah Kemaman
• Pejabat MARA Daerah Besut

SELANGOR

14 & 15 JULAI

• Pejabat MARA Negeri Selangor
• Arked MARA Sg Besar
• Pejabat MARA Daerah Sepang
• Pejabat MARA Daerah Kuala Selangor

Nota: Tempat dan tarikh tertakluk kepada perubahan.

MASA: ▶ 9:00 PAGI - 1:00 TENGAH HARI & 2:00 PETANG - 4:00 PETANG



HUBUNGI KAMI UNTUK PENGESAHAN TEMUJANJI KONSULTASI:

Tel: 03-2175 4033/4589 WhatsApp: 011-5693 8263/011-5965 6805

Email: marketing@unikl.edu.my

TATACARA & SOP YANG PERLU DIPATUHI:

Amalkan penjarakan sosial, gunakan hand sanitizer dan memakai face mask ketika berurusan pada Hari Konsultasi. Semua yang hadir perlu merekodkan suhu badan sebelum mengambil nombor giliran dan konsultasi akan dibuat mengikut giliran.



Kumpulan Syarikat

Universiti Kuala Lumpur DU011(W)

Universiti Kuala Lumpur

1016 Jalan Sultan Ismail, 50250 Kuala Lumpur

+603 2175 4000

Hotline: 1800 888 177

www.unikl.edu.my

Universiti Kuala Lumpur - Officialpage

UnikLOfficial

pressreader

PRINTED AND DISTRIBUTED BY PRESSREADER
Press-Reader.com +1 604 278 4604
COPYRIGHT AND PROTECTED BY APPLICABLE LAW